



## SOALAN LAZIM

### WORLD'S TOP UNIVERSITIES (WTU)

#### 1. Apakah itu World's Top Universities Programme (WTU)?

World's Top Universities Programme (WTU) adalah program pinjaman pelajaran berbentuk Pinjaman Boleh Ubah di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk pelajar cemerlang peringkat ijazah sarjana muda bagi menyambung pengajian di Universiti terbaik dunia.

#### 2. Apakah yang di maksudkan dengan pinjaman boleh ubah dan bagaimana cara bayaran balik pinjaman?

Pinjaman boleh ubah ialah pinjaman dengan bayaran balik berdasarkan keputusan yang diperolehi oleh pelajar. Pelajar merujuk kepada kaedah pembayaran balik daripada Bahagian Kawalan Kredit MARA.

#### 3. Apakah syarat kelayakan untuk melayakkan saya memohon WTU?

Pelajar yang menamatkan pengajian di peringkat International Baccalaureate/ A-Level/Foundation/Asasi/Matrikulasi/Diploma/ STPM atau setaraf.

Peringkat	Luar Negara
Ijazah Sarjana Muda	International Baccalaureate (IB) : 35/45 pt A-Level : 13/15 pt Foundation/Asasi/Matrikulasi/Diploma/STPM atau setaraf : CGPA 3.6/4.0 IELTS: Minima BAND 6.5 @ TOEFL: Minima 100 @ SAT: Minima 1200

#### 4. Bolehkah saya memohon WTU sekiranya ibu / bapa / penjaga / penjamin serta saya telah disenaraihitam MARA?

Tidak boleh. Ibu, bapa, penjaga, penjamin dan pemohon perlu bebas dari senarai hitam MARA. Pemohon dinasihatkan segera menyemak status senarai hitam di Bahagian Kawalan Kredit MARA sebelum memohon WTU.

**5. Sekiranya saya berjaya, apakah jenis pinjaman yang MARA sediakan?**

Jenis pinjaman yang akan ditawarkan berdasarkan ketetapan MARA mengikut SES pendapatan keluarga. Pendapatan keluarga yang dipertimbangkan (Ibu dan ayah / penjaga) tidak melebihi RM60,000 sebulan ATAU tidak melebihi RM600,000 pendapatan bercukai tahunan.

**6. Bolehkah saya memohon tajaan MARA sekiranya permohonan saya adalah merupakan permohonan “double degree”?**

Tidak boleh memohon kerana dasar pinjaman MARA tidak dibenarkan kepada permohonan “double degree”.

**7. Jika saya tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan tetapi saya ingin mencuba untuk memohon, adakah dibenarkan?**

Pemohon dinasihatkan untuk menyemak syarat kelayakan terlebih dahulu sebelum membuat permohonan. Hanya pemohon yang memenuhi syarat kelayakan sahaja akan dipertimbang untuk ditawarkan WTU.

**8. Saya merupakan pelajar tahun akhir di salah satu universiti yang tersenarai dalam lampiran 1 tanpa mana-mana tajaan. Tempoh pengajian saya berbaki 9 bulan sahaja. Adakah saya layak memohon program ini?**

Tidak layak. Baki pengajian bagi Pelajar sedia ada yang ingin memohon program ini mestilah berbaki 12 bulan ke atas.

**9. Adakah saya layak memohon sekiranya tawaran dari universiti bukan dari senarai yang dilampirkan di iklan?**

Tidak layak. Hanya Pelajar yang mendapat tawaran dari universiti seperti yang tersenarai sahaja di dalam garis panduan WTU sahaja yang layak memohon.

10. **Adakah saya perlu menghantar borang atau apa-apa dokumen selepas membuat permohonan?**

YA. Hanya pemohon disenarai pendek sahaja perlu mencetak borang permohonan dan hantar beserta dokumen berkaitan kepada pihak MARA pada tempoh yang akan ditetapkan.

11. **Bilakah saya boleh membuat semakan keputusan?**

Pemohon adalah dinasihatkan untuk sentiasa membuat semakan di Portal MARA dari semasa ke semasa bagi mengetahui sebarang maklumat terkini.

12. **Bagaimanakah cara untuk saya menghubungi MARA sekiranya ada sebarang pertanyaan?**

Sebarang pertanyaan mengenai program dan masalah teknikal boleh dibuat dari jam 9.00 pagi hingga jam 4.30 petang melalui emel ke alamat seperti berikut:

Emel : [wtu@mara.gov.my](mailto:wtu@mara.gov.my)  
[ictbpp@mara.gov.my](mailto:ictbpp@mara.gov.my) (bagi masalah teknikal semasa permohonan)